

# Kedah bakal hab jagung bijirin

**Bantu kurangkan kebergantungan kepada import bijirin**

WAN MOHD NOOR HAFIZ  
WAN MANSOR

YAN

**K**edah bakal muncul antara hab pengeluaran jagung bijirin yang dikendalikan oleh koperasi dan menjadi pusat sumber pengeluaran makanan untuk industri ternakan bagi pasaran seluruh negara.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Da-

tuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kira-kira 83 hektar tanah untuk tanaman jagung bijirin sedang diusahakan bersama sebuah syarikat perladangan, Famox Plantation (M) Sdn Bhd di Mukim Hosba, Kubang Pasu sejak Mei lalu.

Menurutnya, hasil pertama projek dengan modal permulaan RM700,000 itu bakal dituai bermula September ini.

"Usaha ini bertujuan untuk membantu mengurangkan kebergantungan industri ternakan negara kepada hampir 95 peratus import bijirin dari luar negara.

"Industri tanaman jagung bijirin ini juga akan menampung permintaan penternak-penternak ternakan tempatan dan ia lebih murah serta diyakini halal," katanya ketika dite-



Abdul Fattah (dua dari kiri) bersama produk-produk yang dikeluarkan oleh koperasi di Kedah.

mui pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkatan Negeri Kedah di Dewan Datuk Badaruddin, Sungai Limau Dalam, dekat sini semalam.

Abdul Fattah berkata,

tanaman jagung bijirin tersebut dengan peruntukan keseluruhan RM1.7 juta itu juga akan dijadikan model dan diperluaskan ke daerah-daerah lain selepas ini.

"Bagi projek seterusnya

di kawasan yang sama, kami akan libatkan sebanyak 12 koperasi di Kedah dan bahagian-bahagiannya juga akan ditentukan.

"Usaha ini secara tidak langsung berjaya mening-

info

Hasil pertama projek dengan modal permulaan RM700,000 bakal dituai bermula September ini

katkan hasil ahli koperasi termasuk membantu meningkatkan hasil pertanian negara," katanya.

Pada Mei lalu, Angkasa bekerjasama dengan sebuah syarikat perladangan, Famox Plantation (M) Sdn Bhd untuk menjayakan projek tersebut.

Tanaman itu dijangka mampu menghasilkan kira-kira 520 tan metrik pada fasa pertama dengan pulangan sebanyak RM1.2 juta.